

Jawab semua soalan pada bahagian A, **dan B** dan pilih satu soalan sahaja pada bahagian C

BAHAGIAN A

[20 Markah]

Soalan 1 hingga soalan 4

Lengkapkan ayat-ayat ini dengan jawapan yang paling sesuai

1. Sekumpulan samseng itu lari _____ apabila dikejar oleh polis.


A kelam-kabut

B pontang-panting

C lentam-lentum

D bolak balik

Soalan 2 berdasarkan graf di bawah ini



Ekonomi negara pada masa ini semakin _____ kerana harga bahan mentah seperti getah dan kelapa sawit telah meningkat di pasaran dunia.

A longgar

B mantap

C tegas

D tegap

3. Kerabat diraja yang baru sahaja _____ itu ditempatkan di makam diraja bersebelahan dengan istana.

A gering

B mangkat

C murka

D beradu

4. Datuk sedang mengacip se _____ pinang lalu memasukkannya ke dalam sehelai daun sirih.

A biji

B ulas

C butir

D ketul

Soalan 5 dan Soalan 6

Ayat-ayat di bawah ***mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan A, B dan C. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.***

5. Walaupun telah berbelas tahun Zainal menetap di kampung itu, namun hanya sebahagian kecil anggota masyarakat yang menerimanya. Tiada kesalahan.
A B C D
6. Pihak Kementerian Kesihatan bertungkus-lumus memerangi nyamuk aedes yang menjadi punca kepada penyakit demam denggi di negeri-negeri yang mencatat jumlah kes tertinggi sekali.
A B C D
Tiada kesalahan.

Soalan 7 dan Soalan 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan ***perkataan berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.***

7. I *Jalan* Tunku Abdul Rahman antara jalan yang sesak di Kuala Lumpur.
II *Jalan* cerita novel karya penulis muda itu sangat menarik.
III Daun pokok getah di ladang itu telah *jalan* kerana musim luruh.
IV Cikgu Ramlah mencari *jalan* untuk mendidik murid-murid yang ketagih menghisap *vape* di sekolahnya.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan III sahaja
D I, II, dan IV sahaja
8. I *Keadaan* lalu lintas pada waktu pagi itu sesak sekali.
II Oleh sebab *keadaan* wang yang banyak dia mampu berumah besar.
III Ayahnya yang sakit itu masih dalam *keadaan* yang membimbangkan.
IV Di Malaysia banyak *keadaan* tempat peranginan yang menarik.
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 dan Soalan 10

Sebahagian daripada ayat berikut telah digarisi. Bahagian yang **bergaris** itu **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu **salah** dan perlu diubah, anda **hendaklah menandakan A, B atau C** sebagai pilihan jawapan anda. Jika **tiada kesalahan** tandakan **D**

9. Setiap pesakit di wad ini hanya dibenarkan menerima seorang pelawat pada satu masa.
A dibenar menerima seorang pelawat di dalam satu masa
B dibenarkan menerima seorang pelawat di dalam satu masa
C dibenar menerima seorang pelawat pada satu masa
D dibenarkan menerima seorang pelawat pada satu masa
10. Pengorbanan ibu dan ayah tidak akan saya mempersiakan.
A tidak akan saya persiakan
B tidak akan saya mensia-siakan
C tidak akan saya sia-siakan
D tidak akan saya mempersiakan

Soalan 11 dan soalan 12

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

11. **Pelajar hendaklah merancang jadual belajar dari awal untuk memastikan kejayaan yang cemerlang dapat dicapai.**
A Kejayaan yang cemerlang dapat dicapai jika pelajar membuat jadual waktu terancang.
B Kejayaan yang cemerlang dapat dicapai jika pelajar dapat merancang jadual belajar.
C Untuk memastikan kejayaan yang cemerlang dapat dicapai, pelajar hendaklah belajar dari awal.
D Jadual belajar haruslah dirancang dari awal oleh pelajar bagi mencapai kejayaan yang cemerlang.
12. **Remaja sentiasa memerlukan bimbingan daripada orang dewasa seperti ibu bapa dan saudara-mara.**
A Orang dewasa seperti ibu bapa dan sanak saudara perlu sentiasa membimbing remaja.
B Ibu bapa dan sanak saudara hendaklah membimbing remaja yang akan dewasa.
C Ketika remaja, ibu bapa dan sanak saudara pun mendapat bimbingan daripada orang dewasa.
D Membimbing remaja adalah tanggungjawab ibu bapa dan sanak saudara yang telah dewasa.

Soalan 13 dan Soalan 14

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian pilih **peribahasa** yang **paling sesuai**.

"Ibu, saya tidak mahu tinggal di kampung ini selama-lamanya. Saya rasa umpama ___13___ kerana tidak tahu perkembangan dunia terkini. Saya ingin mencuba nasib di Kuala Lumpur," Kata Borhan.
"Sambil bekerja, saya dapat menimba ilmu pengetahuan yang berguna, bak kata orang tua-tua, ___14___," sambung Borhan lagi. Dia berharap ibunya akan mengizinkannya berhijrah ke Bandar besar.

13. **A** ada udang si sebalik batu.
B rusa masuk kampung.
C katak di bawah tempurung.
D menangguk di air keruh.
14. **A** diam-diam ubi berisi, diam besi berkarat
B biar putih tulang jangan putih mata
C berjagung-jagung sementara padi masak
D sambil menyelam minum air

Soalan 15

Pilih **peribahasa** yang **paling sesuai**.

15. Tidak ada seorang pun daripada lima orang anak Encik Majid yang mengikuti jejaknya menjadi peguam. Sebaliknya mereka mempunyai minat dan kecenderungan yang berbeza. Keadaan ini sesuai dengan peribahasa yang berikut, kecuali
- A** lain padang lain belalang.
B rambut sama hitam, hati lain-lain.
C bagaimana acuan begitulah kuihnya.
D banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam.

Soalan 16 dan soalan 17

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

16. I. Hariz adalah murid tertinggi di sekolahnya.
II. Kami keluar dari Raju klinik pada pukul 9.00 malam.
III. Kanak-kanak itu tersenyum gembira apabila ternampak kelibat ayahnya.
IV. Semua peserta diminta berkumpul di hadapan pagar sekolah pada pukul 7.00 pagi.
- A** I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C III, dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

17. I. Latihan bola jaring pada petang ini akan dibatalkan jika sekiranya hujan.
II. Internet membolehkan pengguna di dunia berhubung antara satu sama dengan lain.
III. Guru-guru perlu menyebarkan maklumat tentang bahaya pencemaran alam kepada murid-murid.
IV. Kita hendaklah bijaksana apabila berkomunikasi dengan orang lain untuk mengelakkan konflik.

A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C III, dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 18-20 berdasarkan petikan sajak di bawah

Senja di Palang Besi

Senja mula menangis
remang membongkar sendu
mengutus kuntum-kuntum serakan cahaya
berlari di celah jambangan bunga dedawai
menari mengikat ramah kekosongan
dalam kotak tidur sepi nan pedar hati.

Pilu wajahmu sang senja
yang dulu melakar bahagia
kini merayap sayu membelai jemari malam
dalam keterbuangan yang merangkum
dalam keterasingan yang mencengkam
dalam kesakitan yang membungkam.

Tanpa pasir pantai atau silir angin
rentet susun bibir palang besi dingin itu
menjerut resah berteleku dalam hening
bernyanyi rakus dalam kelu rasa keterkungkungan
menghantar pergi erti keriuhan
jauh di balik redup senja yang mula mengundurkan diri
bersama riak samudera jiwa bernama kesunyian
hukuman terhebat hikayat kemanusiaan.

Dipetik daripada Antologi Bintang Hati,
Tingkatan 3

18. Berikut perasaan penyajak ketika berada di dalam penjara **kecuali**

A terbuang
B terasing
C sedih
D benci

Senja mula menangis

19. Maksud baris sajak di atas ialah

- A** Penyajak berasa sedih
- B** Penyajak termenung pada waktu senja
- C** Penyajak menangis pada waktu senja
- D** Penyajak kerinduan pada waktu senja

20. Berdasarkan sajak di atas mengapakah kita dilarang melakukan kesalahan?

- A** Mengelakkan kita berasa sedih dan terasing
- B** Mengelakkan kita dihalau oleh masyarakat sekeliling
- C** Mengelakkan kita dipandang rendah oleh orang lain
- D** Mengelakkan kita menjalani hukuman akibat kesalahan yang dilakukan